

TAKAFUL KENDERAAN (MOTOR TAKAFUL)

SOALAN-SOALAN LAZIM

Apakah itu Motor Takaful?

Motor takaful adalah pelan perlindungan yang melindungi anda daripada kerugian atau kerosakan kepada kenderaan anda yang disebabkan oleh kemalangan, kecurian atau kebakaran yang tidak disengajakan.

Berpandukan kepada prinsip takaful, sejumlah wang akan disumbangkan kepada satu tabung am dalam bentuk sumbangan bersama (tabarru') dan melaksanakan perjanjian (aqad). Anda kemudiannya berhak ke atas sebahagian daripada lebihan wang di dalam tabung (sekiranya ada) jika tiada tuntutan yang dibuat di dalam tempoh perlindungan takaful anda.

Bagaimana cara untuk memohon pelan takaful kenderaan ini?

Hanya dengan 3 langkah mudah:

1. Imbas kod QR di cawangan Bank Rakyat berdekatan.
2. Masukkan maklumat peribadi
3. Laksanakan pembayaran

Apakah perbezaan di antara Takaful dan Insurans Konvensional?

Insurans konvensional ditadbir untuk pertimbangan komersial, manakala sistem takaful pula adalah berdasarkan kepada konsep kerjasama dan tanggungjawab bersama.

Apa yang harus saya lakukan sekiranya terlibat dalam kemalangan?

- ✓ Adalah penting untuk anda membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam.
- ✓ Hubungi wakil atau cawangan Etiqa terdekat.
- ✓ Hubungi panel bengkel Etiqa yang sah.
- ✓ Hubungi 1-300-88-1007 untuk menyemak proses atau status tuntutan.

Bagaimanakah saya mendapatkan perlindungan sekiranya kereta saya disenaraihitam oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)?

Sekiranya kenderaan anda di senarai hitam oleh JPJ, sila hubungi mereka untuk menyelesaikan sebarang saman atau denda yang tertunggak.

Apakah maklumat yang diberikan kepada JPJ bagi pengesahan untuk proses pembaharuan?

Nombor enjin dan casis bagi kenderaan yang mahu dilindungi, termasuk nombor kad pengenalan baru (atau lama) pemilik kereta dan tarikh tamat lindungan.

Apakah yang akan terjadi sekiranya maklumat yang diberikan kepada MotorTakaful.com tidak betul?

Sistem Motor Takaful akan melakukan pengesahan terus dengan sistem JPJ; bermaksud sebarang maklumat yang tidak betul akan diberitahu kepada anda dengan serta-merta.

Berapa lamakah masa yang diambil untuk mengesahkan maklumat saya?

Proses pengesahan akan mengambil masa dari 3 hingga 5 minit untuk memproses permohonan anda.

Apakah itu Ekses?

Ekses adalah amaun pertama yang anda terpaksa tanggung sendiri bagi setiap tuntutan yang diluluskan, walaupun kejadian itu bukan disebabkan oleh anda. Kebiasaannya, jumlah ekses adalah tetap ataupun di dalam bentuk peratusan daripada amaun tuntutan. Ini tertakhluk kepada terma sijil anda. Secara umum, amaun ekses yang lebih tinggi akan menyebabkan jumlah sumbangan menjadi lebih rendah, dan sebaliknya.

Apakah perbezaan diantara ekses sijil (ekses sukarela) dan ekses (ekses wajib)?

Ekses sukarela merujuk kepada amaun ekses yang tertulis di dalam sijil anda, dan tertakhluk kepada setiap tuntutan yang dibuat. Ekses wajib pula merujuk kepada amaun ekses tambahan yang anda (sebagai pemegang sijil) perlu membayar pada waktu tuntutan; bergantung kepada keadaan tertentu pemandu sah pada waktu kejadian.

Ekses wajib tertakhluk pada pemandu seperti berikut:

- ✓ Berumur bawah 21 tahun
- ✓ Pemegang Lesen L
- ✓ Pemegang lesen penuh yang kurang daripada 2 tahun

SOALAN LAZIM – TUNTUTAN KENDERAAN

Bagaimanakah caranya untuk membuat tuntutan tanpa memberi kesan kepada Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) saya?

Satu-satunya masa di mana NCD tidak akan terkesan sekiranya tuntutan dibuat adalah apabila anda mempunyai bukti yang tidak dapat disangkal yang menunjukkan bahawasanya pemandu lain (pihak ketiga) yang terlibat di dalam kemalangan bersalah.

Adakah saya akan kehilangan NCD sekiranya saya membuat tuntutan?

NCD anda tidak akan hilang sekiranya pemandu lain atau pihak ketiga didapati bersalah. Keputusan muktamad kepada pihak mana yang bersalah adalah berdasarkan kepada bukti daripada penyiasatan pihak polis.

Berapa lamakah waktu menunggu sekiranya berlaku kecurian kereta?

Waktu untuk menyelesaikan tuntutan anda bergantung kepada tempoh penyiasatan pihak polis dan juga ajuster bebas yang sah (dilantik oleh Etiqa General Takaful Berhad).

Dalam kes kerugian menyeluruh ke atas kenderaan saya, berapakah jumlah pampasan yang akan diberikan?

Jumlah pampasan bergantung kepada nilai pasaran ataupun jumlah lindungan kenderaan anda, yang mana lebih rendah pada masa laporan dibuat.

Contohnya: Sekiranya harga pasaran kenderaan anda ialah RM80,000 dan jumlah nilai lindungan ialah RM70,000, nilai pampasan yang akan diberikan ialah RM70,000.